

**NO. SOALAN : 437**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**

**RUJUKAN : 9164**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk mengambil pelarian Rohingya dari Myanmar untuk bekerja di Malaysia, apabila mereka sedang melarikan diri daripada penindasan oleh Kerajaan Myanmar.**

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mac 2016 telah bersetuju dengan Penubuhan Jawatankuasa Kerja Projek Perintis Kebenaran Bekerja Untuk Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya.**

**Jawatankuasa Kerja tersebut pada masa ini sedang memperincikan dasar dan prosedur pelaksanaan Projek Perintis yang berkenaan termasuk aspek perundangan dan teknikal yang berkaitan.**

**Projek Perintis kebenaran bekerja untuk pemegang Kad UNHCR etnik Rohingya dilihat memberi ruang untuk golongan 'pelarian' ini menyara kehidupan melalui pekerjaan yang sah dan sekali gus dapat mengekang mereka daripada terlibat dengan aktiviti jenayah dan sosial. Projek Perintis ini juga akan lebih memudahkan pihak Kerajaan memantau keberadaan mereka dalam Negara, meningkatkan kemahiran teknikal mereka serta memberi laluan kepada bentuk kerjasama antara Kerajaan dan UNHCR untuk lebih mempercepatkan proses penempatan ke negara ketiga.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN HAJAH ZURAIDA  
BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ]**

**SOALAN :**

**YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada apa-apa perubahan terhadap proses pilihan raya akan dilakukan, seperti kewajipan untuk mengundi, serta pendaftaran pengundi secara automatik.**

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau kecil.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menjadikan pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan pada masa sekarang melainkan pindaan dibuat pada peruntukan sedia ada

Sekian. Terima kasih.